

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

SOALAN

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan **jumlah kes salah laku** di bawah Seksyen 233 Akta 588 sejak tahun 2018 yang melibatkan penyebaran kandungan seksual dan porno.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai pendekatan yang terdiri daripada tindakan penguatkuasaan (pendakwaan dan sekatan laman web), kesedaran dan pendidikan serta kawalselia sendiri adalah apa yang diperlukan dalam membanteras pornografi dalam talian.
2. Antara tahun 2018 sehingga September 2020, sejumlah **145** kertas siasatan telah dibuka oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melalui Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 berhubung kandungan lucah, dan sebanyak enam (**6**) kes berjaya didakwa.
3. Selain daripada AKM 1998, pihak yang terbabit turut tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan dan enakmen-enakmen/undang-undang syariah di bawah bidang kuasa Jabatan-Jabatan Agama Islam negeri-negeri (sekiranya pihak yang terbabit beragama Islam).

4. Selain daripada pendakwaan, tindakan undang-undang seperti penyekatan akses kepada laman web terlibat juga diambil. Dari tahun 2018 sehingga September 2020, pihak SKMM telah melaksanakan tindakan sekatan ke atas sejumlah **2,732** laman pornografi. Usaha ini akan diteruskan oleh SKMM berasaskan aduan yang diterima serta pemantauan proaktif yang dijalankan.

5. Selain itu, kandungan berunsur lucah sememangnya menjadi kesalahan di platform media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*, atau di platform penstriman video seperti *YouTube*. Kerjasama dan koordinasi telah sedia terjalin antara pihak Kementerian melalui SKMM dengan pihak penyedia platform yang terlibat bagi isu khusus seperti ini, di mana kandungan-kandungan yang dilaporkan akan dinilai berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak mereka, seterusnya akan dipadamkan sekiranya kandungan tersebut didapati melanggar terma dan syarat, serta piawaian komuniti atau *community standards* (dengan izin) yang ditetapkan oleh pihak mereka.

6. Sebagai contoh, dari Oktober 2019 sehingga suku kedua tahun 2020, *Facebook* dilaporkan secara proaktif telah mengambil tindakan terhadap lebih **26.8 juta** kandungan berunsur lucah secara global, yang mana 96% daripadanya dilaksanakan sebelum sebarang laporan dibuat oleh pengguna.